



KENYATAAN UMUM
PENAMATAN TAWARAN KEMUDAHAN AKTIVITI
PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN LEMBAGA
PERLESENAN TENAGA ATOM SELEPAS
31 OKTOBER 2021

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebelum ini telah memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan bagi memfasilitasi pemegang lesen khususnya pihak industri yang berada dalam kategori perkhidmatan perlu (*essential services*) dan yang terjejas sepanjang tempoh Fasa Pertama dan Fasa Kedua Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) semenjak 25 Mei 2021. Kemudahan yang diberikan ini secara tidak langsung dapat meringankan beban dan membantu pihak yang berkenaan dalam operasi harian yang berkaitan dengan aktiviti tenaga atom.

Walau bagaimanapun, mengambil kira situasi pandemik COVID-19 terkini dan keadaan ekonomi semasa, semua kemudahan ini akan ditamatkan pada 31 Oktober 2021. Justeru, semua pemegang lesen perlu bersedia lebih awal dengan mengambil tindakan sewajarnya bagi mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
Dikemaskini 18 Oktober 2021